

D498

U 8829 AAB
MAHATHIR - KOMANWEL R R R

KUALA TERENGGANU, 4 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGESAHKAN YANG BELIAU AKAN MENGHADIRI MESYUARAT KETUA-KETUA NEGARA KOMANWEL YANG DIJADUALKAN BERLANGSUNG DI VANCOUVER DARI 13 HINGGA 17 OKT.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU AKAN MEMBANGKITKAN SOAL-SOAL YANG BERHUBUNG DENGAN MASALAH APARTEID DI AFRIKA SELATAN, PERDAGANGAN, KOMODITI DAN DASAR PERLINDUNGAN.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM SIDANG AKHBAR SEMPENA LAWATAN RASMINYA SELAMA TIGA HARI KE NEGERI INI YANG MASUK HARI KEDUA HARI INI. YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR DATUK SERI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD.

MENGENAI CADANGANNYA UNTUK DIWUJUDKAN SATU BARISAN KHAS MENCEGAH DADAH DI SEKOLAH-SEKOLAH YANG DIUMUMKAN DI SINI SEMALAM, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERKARA ITU HARUS DIKAJI OLEH PIHAK-PIHAK SEPERTI PEMADAM DAN AGENSI-AGENSI LAIN YANG TERBABIT DENGAN DADAH.

PERDANA MENTERI MEGESYORKAN SUPAYA SATU KUMPULAN DIWUJUDKAN DI SEMUA SEKOLAH BAGI MENYEDIAKAN MAKLUMAT-MAKLUMAT LENGKAP MENGENAI PENYALAHGUNAAN DADAH. -- LAGI.

1550MST 04 10 87

D504

U 8833 AAB
MAHATHIR - KOMANWEL 2 KUALA TERENGGANU R R R

PERKARA-PERKARA SEPERTI CARA-CARA UNTUK MURID MELAPOR KEGIATAN DADAH JUGA BOLEH DIJADIKAN SALAH SATU OBJEKTIF KUMPULAN INI, KATANYA.

MENGENAI PROJEK MENANGKAP IKAN TUNA ANTARA NELAYAN MALAYSIA DAN THAI YANG DILANCARKAN BARU-BARU INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BERPUAS HATI DENGAN HASIL TANGKAPAN TETAPI MENGAKUI BAHAWA PADA PERINGKAT AWAL INI TERDAPAT BEBERAPA MASALAH TERTENTU.

KATANYA DAKWAAN-DAKWAAN SEPERTI PIHAK THAI MEMUNGGAH HASIL TANGKAPAN ITU KE NEGERI MEREKA SEBELUM SAMPAI KE PAHANG HARUS DISELIDIKI DAHULU SEBELUM DAPAT DIPERCAYAI.

KATANYA DARIPADA MAKLUMAT YANG DITERIMANYA, 37 DARIPADA 40 BUAH BOT DI BAWAH PROJEK ITU SUDAH MENDARATKAN HASIL MASING-MASING DI KUANTAN.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA SETELAH IKAN-IKAN ITU DIPETIKAN DAN SETELAH BAYARAN CUKAI DIJELASKAN DI KUANTAN, BOT-BOT YANG SAMA JUGA AKAN BERTOLAK BALIK KE NEGERI THAI. -- LAGI.

1601MST 04 10 87

D527

U 8843 AAB
MAHATHIR - KOMANWEL 3 KUALA TERENGGANU R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH MENERIMA ADUAN DARI PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT) BAHAWA TERDAPAT ANTARA 150 HINGGA 1,000 BOT ASING YANG TELAH MENCEROBOH PERAIRAN MALAYSIA.

MENURUT PERDANA MENTERI, BELIAU AKAN MEMINTA MAKLUMAT LANJUT DARI PEGAWAI-PEGAWAI MEMANDANGKAN ANGKA YANG DIDAKWA ITU ADALAH BESAR.

MENGENAI LAWATANNYA ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA MERUPAKAN SAMBUNGAN KEPADA LAWATAN YANG SAMA KE KELANTAN SELAMA DUA HARI.

LAWATAN-LAWATAN INI ADALAH DALAM SIRI KUNJUNGANNYA KE SELURUH NEGARA UNTUK MEMUPUK SEMANGAT PERPADUAN DI KALANGAN RAKYAT.

ANTARA NEGERI-NEGERI YANG TELAH DILAWATINYA IALAH PULAU PINANG, PAHANG, JOHOR DAN MELAKA.

BELIAU AKAN MENERUSKAN LAWATANNYA ITU KE BEBERAPA BUAH NEGERI LAIN. -- BERNAMA.

1709MST 04 10 87